

03 APR 1997

Abu Hassan-Anugerah (Bergambar)

KEPUTUSAN PERTANDINGAN KELUARGA HIDUP SELESA DIUMUM BULAN DEPAN

KOTA BAHARU, 3 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengumumkan keputusan pertandingan Keluarga Hidup Selesa peringkat kebangsaan pada bulan depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar berkata, pertandingan itu yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada akhir tahun lepas melibatkan para peserta dari seluruh negara yang mempunyai pendapatan bulanan tidak melebihi RM1,500.

"Pertandingan di peringkat daerah dan negeri telah selesai dan mereka yang berjaya di peringkat negeri layak untuk menyertai pertandingan di peringkat kebangsaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar perdagangan dalam negeri dan wawasan inflasi sifar peringkat Kelantan di sini, hari ini.

Abu Hassan berkata, pertandingan itu dikategorikan kepada dua bahagian iaitu bandar dan luar bandar dan bertujuan memilih pengguna yang berjaya menguruskan perbelanjaan rumahtangga secara terancang.

Mereka yang berjaya kelak akan dijadikan contoh kepada rakyat terutama yang berpendapatan sederhana dalam menguruskan perbelanjaan harian, katanya.

Ketika ditanya mengenai kejayaan kempen Inflasi Sifar dan anugerah Kedai Harga Patut, Abu Hassan berkata ia telah dapat mewujudkan kesedaran di kalangan pengguna untuk mengawal inflasi dan para peniaga yang dianugerahkan status Kedai Harga Patut mula menunjukkan komitmen menjual barangan pada harga yang berpatutan.

Sementara itu, beliau berkata kementerian sedang menyediakan laporan lengkap siasatan penggunaan Tele-Info hiburan yang dikatakan membazir untuk diserahkan kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

"Laporan siasatan itu akan diserahkan secepat mungkin untuk tindakan lanjut Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos," katanya.

Beliau berkata siasatan itu penting berikutan banyak aduan daripada para pengguna terutamanya kalangan ibubapa yang mendakwa talian itu membazir dan bentuk hiburan yang disediakan termasuk dari dalam dan luar negara adalah meragukan kesesuaiannya kepada pengguna termasuk kanak-kanak.

Abu Hassan pada Selasa lepas mengarahkan syarikat yang menyediakan perkhidmatan tele-info bercorak hiburan supaya mengkaji semula perkhidmatan berkenaan berikutan aduan kononnya mendorong pelanggan membazir dan boleh meningkatkan gejala sosial.

Ketika berucap, beliau menggesa supaya lebih ramai pengusaha Bumiputera menceburi bidang pemborong dan peruncit kerana sektor itu mempunyai masa depan yang baik.

"Sektor pemborong dan peruncit menyumbangkan 9.7 peratus pada Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun lepas. Bagaimanapun penyertaan Bumiputera dalam sektor itu masih rendah," katanya. -- BERNAMA

BD AKD